



⦿ **RM600** KOS
sewa pam air

⦿ **60** HARI
usia matang pokok padi



Abdul Rahman (kanan) meninjau kemudahan **pam air** yang disediakan oleh JPS untuk menyalurkan air dari parit ke palong air yang sudah tidak diselenggarakan dengan baik di Kampung Parit 3, Sungai Burong. [FOTO SUZAINI SULAIMAN/ BH]

Masalah air jejas padi

» Pesawah resah, gesa kerajaan negeri turun padang

Oleh Suzaini Sulaiman
bhnews@bharian.com.my

► Tanjung Karang

Masalah kekurangan air di jelang padi sekitar daerah ini sejak beberapa bulan lalu, meresahkan pesawah kerana ia dikhuatiri membantutkan pembesaran pokok padi. Penduduk mendakwa usia

pokok padi yang kini mencecah 60 hari masih memerlukan bekalan air mencukupi sehingga ia sedia dituai.

Mereka mendakwa jika bekalan air tidak mencukupi akibat kekurangan bekalan dari Loji Penapisan Air Sungai Sireh, akan menyebabkan pertumbuhan padi terbantut, lalang atau rumput cepat tumbuh di celah pokok padi, selain kemunculan haiwan perosak seperti ulat batang.

Petani Ban 1 di Sungai Burong, Abdul Rahman Kassim, 33, menjelaskan penduduk di kawasan itu berdepan masalah air sejak dua bulan lalu, kerana palong air di situ tidak berfungsi dan tidak mampu membekalkan air ke sawah.

Kos tinggi pam air

"Saya terpaksa menyewa pam air sebanyak empat kali pada musim

padi kali ini dan kos sebanyak RM600 terpaksa dikeluarkan hanya untuk mengepam air ke sawah.

"Berikutan palong tiada air, kebanyakan pesawah di sini terpaksa menggunakan air parit. Namun, petani terpaksa bergilir mengepam air, bimbang parit itu pula akan kering," katanya.

Abdul Rahman Arshad, 48, yang mengusahakan beberapa lot sawahnya mahu kerajaan Selangor turun padang untuk melihat masalah dihadapi rakyat berikutan tindakan mereka melengahkan kelulusan pembinaan pusat tadahan air Panchang Bedena.

"Memang Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) mempunyai pam besar yang boleh digunakan tetapi jika bekalan air dari kawasan tadahan air atau loji berhampiran tidak mampu menampung bekalan, JPS pasti tidak dapat berbuat apa-apa," katanya.

Beliau juga berpendapat, masalah air berlaku akibat tindakan Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) menurunkan pengeluaran air sehingga 40 peratus minggu lalu, selain penyusutan air pada tahap kritikal di muka sauk air Loji Sungai Sireh, yang memburukkan lagi keadaan.



“Paras air Sungai Sireh sudah **melempi paras kritikal** dan perkara ini **tidak boleh dilengahkan** kerana ia bukan saja menjejaskan kegiatan petani, malah untuk kegunaan domestik”

Mohd Zin Mohamed,
Penyelaras BN Selangor

Gesa pembenihan awan dilakukan

Talian Pusat Khidmat Rakyat (PAKAR) Barisan Nasional (BN) Selangor, menerima banyak aduan daripada pesawah yang bimbang berikutan keadaan paras air di terusan besar Sungai Sireh berada di bawah paras kritikal.

Penyelaras BN negeri, Datuk Seri Mohd Zin Mohamed, berkata keputusan kerajaan Selangor menagguhkan pembenihan awan di kawasan tadahan itu berikutan kemarau berpanjangan di kawasan Tanjung Karang, Sungai Besar dan Sekinchan membuktikan mereka tidak serius menyelesaikan masalah berkenaan.

Paras kritikal

"Kenapa kerajaan negeri hanya akan melaksanakan proses pembenihan awan jika tiada hujan dalam tempoh 22 hari bermula Khamis lalu? Bukankah paras air Sungai Sireh sudah melepasi paras kritikal dan perkara ini tidak boleh dilengahkan kerana ia bukan saja menjejaskan kegiatan petani, malah untuk kegunaan domestik.

"Sungai ini menjadi sumber air terpenting penduduk di kawasan terbabit, yang kebanyakannya bekerja sebagai pesawah dan petani. Ia mencetuskan keresahan penduduk yang bimbang hilang punca pendapatan apabila kawasan pertanian tidak dapat diusahakan," katanya ketika dihubungi.